



SAFETY ALERT

BUM KREN MENARA TUMBANG



JKKP/DOSH

Ringkasan Kejadian

Kejadian bum kren menara tumbang yang berlaku dalam tapak pembinaan di kawasan Lembah Klang telah mengakibatkan kerosakan teruk pada komponen bum tersebut. Kerosakan juga berlaku pada jentera pam konkrit yang berada berdekatan. Tiada kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan membabitkan kejadian tersebut.

Langkah kawalan

- i. Pemilik kren menara haruslah memastikan pemeriksaan awal pra-penghantaran kren menara telah dilakukan di kilang oleh pemeriksa yang kompeten sebelum dihantar ke tempat kerja.
- ii. Pemilik harus memastikan laporan berkaitan pemeriksaan awal pra-penghantaran telah disahkan oleh pemeriksa yang kompeten dan dokumen untuk diperiksa oleh pemilik sebelum pemasangan kren menara adalah : (a) laporan mengenai pengesahan pra-penghantaran; dan (b) laporan pemeriksaan pra penghantaran
- iii. Juruteknik yang membuat pemeriksaan dan penyenggaraan haruslah merekod dengan baik kerja-kerja yang telah dijalankan dan penemuan yang didapati.
- iv. Selain untuk pemeriksaan mingguan oleh juruteknik, pemeriksaan dan penyelenggaraan ke menara kren hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan oleh orang yang kompeten.
- v. Peralatan / komponen mengangkat perlu diperiksa dengan teliti pada sela masa yang ditetapkan oleh orang yang kompeten.
- vi. Operasi mengangkat haruslah dirancang dengan teliti dan diselia dengan betul.

Rujukan

- i. Code of practice for safe use of tower crane, Hong Kong
- ii. Lifting equipment at work, HSE UK

